

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Umumnya di dalam bab ini akan dibincangkan mengenai dapatan kajian secara menyeluruh dalam kedua-dua teks yang telah dianalisis. Hasil daripada dapatan itu seterusnya akan dibuat suatu rumusan menyeluruh tentang kajian ini. Disamping itu juga penulis akan cuba mengupas serba sedikit perbandingan antara kedua-dua teks yang telah dikaji. Dan akhir sekali sebagai penutup, beberapa cadangan yang berbentuk gagasan ke arah pemantapan disiplin terjemahan akan diutarakan.

5.1 Rumusan Menyeluruh

Dari perbincangan yang lepas-lepas, jelaslah kepada kita bahawa untuk menghasilkan terjemahan yang dapat dipertanggungjawabkan bukan sesuatu perkara yang mudah. Perterjemahan merupakan tugas yang amat mencabar dan memerlukan masa serta tenaga yang banyak. Malahan sebagai seorang penterjemah, ia perlu mempunyai semangat kesungguhan

dan banyak bersabar. Semasa menterjemah, penterjemah akan berhadapan dengan pelbagai masalah, terutamanya permasalahan yang berkaitan dengan mencari padanan. Padanan yang dicari semestinya padanan yang secocok dan selari dengan bahasa sasaran disamping dapat mendokong fungsi-fungsi bahasa sumber. Cara dan kaedah penyelesaian permasalahan yang digunakan akan bergantung penuh kepada kebijaksanaan seseorang penterjemah itu. Banyak perkara yang perlu diambil kira terutamanya ketika penterjemah ingin mencari bentuk-bentuk padanan yang tepat dalam bahasa sasaran. Oleh kerana itu sering diperkatakan bahawa dengan mengetahui dua bahasa saja tidak lagi melayakkan seseorang itu untuk melakukan penterjemahan.

Penterjemahan tidak boleh lagi dianggap sebagai proses penggantian kata demi kata kerana sesuatu penterjemahan itu sebenarnya melibatkan dua bahasa yang mempunyai ciri-ciri tersendiri. Seorang penterjemah yang baik tidak seharusnya lagi secara membuta-tuli menterjemah kerana perbuatan ini bukan sahaja akan menghasilkan terjemahan yang kurang jelas malahan juga terjemahan kabur yang sekali gus akan turut menjejaskan makna teks sumber.

Justeru itu dalam pengkajian ini, penulis sengaja memilih teori yang mengambil kira konteks sebagai asas untuk mencari padanan bagi contoh-contoh kata nama yang dipetik dari kedua-dua teks. Iaitu terjemahan yang berunsur terjemahan dinamis sebagaimana yang telah disarankan oleh Nida.

Walaupun agak sukar untuk kita menentukan satu-satu kaedah yang tetap untuk menyelesaikan masalah mencari padanan dalam terjemahan khasnya terjemahan kata nama, berikut diberikan beberapa rumusan pendekatan yang digunakan oleh penulis dalam pengkajian ini.

Secara amnya penggunaan kata nama am yang membawa makna yang berlainan daripada makna asalnya terlalu banyak didapati dalam kedua-dua teks terutamanya kata nama am yang melibatkan anggota badan. Justeru itu semasa menterjemah, kita tidak seharusnya secara melulu memberikan padanan terus atau padanan kata demi kata. Sebaliknya keutamaan adalah pada padanan yang sesuai dengan konteks. Teliti dan analisis terlebih dahulu perkataan yang ingin diterjemahkan itu, kalau-kalau terdapat makna yang tersirat. Setelah mengambil kira semua faktor barulah diterjemahkan bersesuaian dengan emik bahasa Melayu.

Sementara bagi kata nama am yang sememangnya tiada padanannya dalam bahasa Melayu, perlulah dicarikan padanannya berdasarkan fungsi perkataan tersebut dalam bahasa sasaran atau dalam kata lain mencari padanan yang dapat membawa fungsi yang hampir sama. Walau pun ia akan memungkinkan suatu 'terjemahan kurang', yang pastinya ia tidak menjejaskan kesan kefahaman pembaca.

Bagi kata nama yang sememangnya tiada padanannya dalam bahasa Melayu dan tidak dapat juga diberikan padanannya berdasarkan fungsi, bolehlah digunakan pendekatan seperti mengekalkan kata nama tersebut

berserta dengan penerangan tambahan, menerangkan maksud perkataan tersebut ataupun terus meminjam perkataan tersebut.

Bagi penterjemahan yang melibatkan kata nama khas seperti nama negeri/tempat, secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa sebelum melakukan sebarang penterjemahan, penterjemah perlulah menyelidiki terlebih dahulu kata nama khas tersebut samada perlu atau tidak kata nama khas itu diterjemahkan atau dibiarkan sahaja dalam bentuk asalnya. Jika kata nama khas itu mempunyai konotasi tertentu maka lebih sesuai kata nama khas itu dikekalkan. Dan jika sudah ada versi terjemahan kata nama khas yang lazim digunakan, versi terjemahan itulah yang harus digunakan. Yang pentingnya ialah versi terjemahan itu mestilah sesuai dengan latar belakang masyarakat bahasa sasaran.

Sementara bagi terjemahan yang melibatkan ganti nama pula, kita seharusnya menimbangkan konteks yang meliputi taraf sosial, darjah rapat tidaknya hubungan antara pihak-pihak yang terbabit, suasana persekitaran dan topik yang terbabit disamping tidak mengeneipkan cara penggunaan ganti nama dalam bahasa Melayu.

Agak berbeza dari jenis-jenis kata nama yang lain, kata nama terikat diterjemah dengan mengambil kira jenis dan bentuk kata, frasa atau klausa penerang yang mendahuluinya. Selain daripada itu penterjemah seharusnya mahir dan tahu akan fungsi-fungsi yang dimainkan oleh kata nama terikat itu dalam sesuatu ayat kerana dengan ini jugalah yang akan menentukan tahap kefahaman penterjemah terhadap teks sebelum

menterjemahkannya. Dan seperti juga dalam penterjemahan kata nama yang lain, terjemahan kata nama terikat seharusnya mengikut kesesuaian penggunaan dan konteks bahasa sasaran.

Secara keseluruhannya padanan yang dicadangkan dalam kajian ini adalah lebih memihak kepada kepentingan pembaca sasaran disamping tidak mengabaikan kepentingan mesejnya. Ini bermakna selagi mesej asalnya tidak terjejas, pemilihan kata dan selok belok serta gaya penulisan dalam teks yang diterjemahkan itu adalah gaya dan selok belok bahasa sasaran. Walaupun begitu, bagi kata nama yang melibatkan unsur-unsur budaya tidak pula terus penulis terjemahkan, sebaliknya penulis akan pertimbangannya berdasarkan konteks budaya bahasa sumber itu. Ini adalah kerana tujuan asal kita membaca karya-karya asing dalam bahasa kita supaya kita dapat mengenal pandangan dunia dan budaya masyarakat lain. Maka tidak sesuailah bagi kita untuk terus menterjemahkannya mengikut kesesuaian bahasa sasaran. Jadi apa yang penulis lakukan ialah mencari padanannya dalam bahasa sasaran dan menyusun kembali teks yang diterjemahkan itu mengikut ungkapan-ungkapan atau deskripsi elemen yang memperlihatkan ciri-ciri tersendiri masyarakat yang menghasilkan karya itu atau yang menjadi latar belakang kepada penceritaan. Atau dalam kata lain, konteks budaya bahasa sumber terus dikekalkan, dan andai kata tidak dapat dicarikan padanannya dalam bahasa sasaran, ungkapan dalam bahasa sumber akan terus dikekalkan bersama-sama catatan kaki sebagai penerangan.

5.2 Perbandingan Penggunaan Pendekatan Teks 1 dan Teks 2

Secara amnya agak sukar juga bagi penulis untuk membandingkan pendekatan-pendekatan yang digunakan dalam kedua-dua teks. Tambahan pula pengkajian ini hanya melibatkan padanan kata nama dari dua teks yang sama jenis iaitu karya kreatif. Cuma yang berbezanya ialah Teks 1 merupakan sebuah novel berat yang menyelitkan sedikit unsur-unsur kesusasteraan. Sementara Teks 2 pula merupakan sebuah novel ringan yang menggunakan bahasa mudah yang lazim digunakan. Dan perbezaan dari segi golongan pembaca sarasannya walaupun tidak begitu ketara di mana Teks 1 disasarkan kepada pembaca yang lebih dewasa. Sementara Teks 2 disesuaikan untuk pembaca remaja yang lebih muda. Justeru itu apa yang dapat diperhatikan di sini, semasa menterjemah Teks 1, penterjemah haruslah lebih berhati-hati kerana kebanyakan perkataan yang digunakan khasnya kata nama lebih cenderung kearah penggunaan perkataan yang mempunyai maksud-maksud yang tersirat. Penelitian dalam segala aspek yang melibatkan faktor-faktor linguistik dan bukan linguistik adalah penting sebelum menentu padanan-padanan yang bersesuaian. Disamping itu penterjemah juga seharusnya mahir dalam

menggayakan semula ayat-ayat yang diterjemah sebagaimana teks bahasa sumber supaya ia bersesuaian dengan sebuah teks yang ditujukan kepada pembaca yang lebih dewasa. Dan lagi oleh kerana novel ini sebuah novel 'thriller', pemilihan perkataan dan penyesuaian semula ayat perlulah menggunakan perkataan-perkataan dan ayat-ayat yang berbau unsur-unsur tersebut, jika tidak pembaca teks terjemahan tidak akan dapat menerima kesan yang sama seperti pembaca teks asal.

Sebaliknya proses penterjemahan Teks 2 adalah lebih mudah, kerana penggunaan perkataan-perkataannya adalah lebih ringkas yang mana kebanyakannya membawa maksud asal. Tidak banyak masalah yang dihadapi semasa mencari padanan. Walaupun begitu penterjemah perlu bijak dalam memilih padanan yang sesuai, agar yang dipilih nanti juga mudah dan jelas sebagaimana teks asal kerana pembacanya juga terdiri dari golongan remaja. Penyusunan semula ayat haruslah ringkas dan tidak berbelit supaya mesej yang ingin disampaikan nanti tidak kabur dan senang difahami.

Begitu juga halnya yang dapat penulis perhatikan dari hasil soal-selidik yang telah dilakukan ke atas 6 orang informan terpilih. Tidak terdapat banyak perbezaannya dalam penggunaan pendekatan dalam Teks 1 dan Teks 2, cuma yang jelasnya mereka agak sukar untuk menterjemahkan kata nama-kata nama yang melibatkan bahasa kiasan (idiom) malahan ada di antara mereka yang langsung tidak menterjemahkannya. Kata nama-

kata nama yang melibatkan bahasa kiasan ini banyak didapati dalam Teks 1. Penulis berpendapat penterjemahan yang melibatkan bahasa kiasan memerlukan pengamatan yang lebih khasnya pengetahuan secara keseluruhan konteks, jika tidak ia akan menjadi agak sukar. Justeru itu, bolehlah disimpulkan disini, kekurangan pengetahuan keseluruhan konteks merupakan punca para informan menghadapi masalah menterjemahkan kata nama-kata nama yang melibatkan bahasa kiasan.

Namun begitu, apa yang penting di sini sebagai seorang penterjemah yang boleh menghasilkan terjemahan yang baik, dia bukan sahaja perlu bijak untuk memilih padanan yang sesuai tetapi semestinya juga bijak dalam penyusunan semula ayat supaya hasilnya kelak bukan saja tidak berbau terjemahan malahan juga dapat memberi kesan yang sama seperti kesan yang diberikan oleh teks asal kepada pembacanya.

5.3 Cadangan

Setelah kesimpulan di atas dibuat, maka kajian mendapati perkara-perkara seperti berikut (cadangan) haruslah diberikan perhatian demi kebaikan disiplin terjemahan.

Penterjemahan merupakan suatu metodologi yang amat penting dalam menimba ilmu pengetahuan, diharapkan di masa-masa akan datang akan lebih ramai lagi mereka yang berminat untuk menceburi bidang ini

terutamanya dalam penterjemahan bahasa Jepun-Melayu. Bila sudah banyak bahan-bahan terjemahan bahasa Jepun-Melayu yang boleh didapati dipasaran, secara tak langsung akan turut membolehkan lebih banyak lagi kajian-kajian yang berkaitan dengannya dilakukan.

Penulis benar-benar berharap dengan adanya kajian ini, akan dapat membuka jalan kepada pelajar-pelajar lain untuk terus membuat kajian mengenai padanan ini pada golongan kata yang lain supaya kelak akan dapat memberi sedikit panduan kepada penterjemah bahasa Jepun-Melayu. Sekiranya lebih banyak kajian dibuat akan lebih banyak lagi dapatan-dapatan kajian dapat dipergunakan sebagai panduan kepada penterjemah dan semestinya akan lebih bermutualah lagi terjemahan yang dihasilkan kelak.

Di atas kesedaran betapa pentingnya bidang penterjemahan dalam pembangunan negara, dicadangkan lebih banyak lagi pusat-pusat pengajian tinggi yang menawarkan kursus-kursus yang berkaitan supaya kelak lebih ramai lagi pakar-pakar penterjemah yang berkualiti dapat dihasilkan.

Bidang penterjemahan hendaklah diperluaskan lagi dan tidak semestinya tertumpu kepada karya-karya yang bercorak ilmiah atau buku-buku pengajian tinggi sahaja. Malah karya-karya sastera juga samada bersifat moden atau klasik perlu diperkembangkan bagi memperkayakan khazanah ilmu terjemahan kita.

Disarankan juga agar pihak Kementerian Pendidikan dapat mempertimbangkan untuk memasukkan subjek bahasa asing sebagai mata pelajaran wajib ataupun sekurang-kurangnya sebagai subjek elektif. Ini kerana dengan pengetahuan bahasa asing, akan lebih banyak lagi ilmu yang dapat ditimba tanpa hadnya. Dan ini juga sebenarnya secara tidak langsung akan turut menghasilkan lebih ramai para penterjemah dari berbagai bahasa.

Penterjemahan teks sastera memerlukan penterjemah yang berpengetahuan yang mendalam tentang konteks situasi dan budaya serta lebih prihatin dalam penggunaan bahasa bagi menghasilkan terjemahan yang bermutu tinggi berbanding terjemahan teks ilmiah yang lebih bercirikan objektif. Justeru itu penterjemah seharusnya berpengalaman luas dalam bidang yang diterjemahkannya, memahami teknik dan kaedah penterjemahan, mahir dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran. Tegasnya latihan dalam kemahiran menterjemah perlu ditekankan kerana penterjemah lazimnya pakar dalam bidang tertentu tetapi bukan pakar bahasa dan jarang mendapat latihan dalam penterjemahan.

Persatuan penterjemah di negara ini disyorkan agar mengadakan kerjasama dengan persatuan-persatuan penterjemah diperingkat antarabangsa bagi mengembangkan potensi dalam bidang ini dan ianya harus mendapat sokongan dari pihak yang berkuasa.

5.4 Penutup

Nyatalah kepada kita bahawa penterjemahan itu bukan sesuatu perkara yang mudah, bukan hanya memerlukan pengetahuan dalam bahasa lain sahaja, malahan juga pengetahuan dalam berbagai hal. Seseorang yang ingin melibatkan diri dalam bidang terjemahan seharusnya mempunyai kesedaran untuk melengkapkan dirinya terdahulu sebelum melakukan sesuatu penterjemahan. Ini kerana dibahunya dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan mesej yang diterimanya dari teks asal. Jika yang diterjemahkan itu bercanggah maka bercanggah jugalah mesej yang diterima oleh pembaca terjemahan.